

Menilai Keberkesanan Program Pemantapan Akademik Pelajar (PAP) Bagi Para Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat (OM221), UiTM Pahang

Hj. Abd. Razak bin Said
Naliza binti Solat

ABSTRAK

Program Pemantapan Akademik Pelajar (PAP) adalah satu program yang dianjurkan bagi memperbaiki tahap purata nilai gred (PNG) yang rendah (kurang dari 2.50) di kalangan para pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat (OM221), Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat Cawangan Pahang. Seramai 87 orang pelajar OM221 telah dikenalpasti dan menjadi peserta di dalam program ini bagi semester Disember 2010 – April 2011. Kajian ini bertujuan untuk menilai program PAP secara keseluruhan dari perspektif peserta. Selain daripada itu, kajian ini juga melihat perbezaan min PNG keputusan peperiksaan akhir para peserta sebelum dan selepas program dijalankan. Pengumpulan data dibuat dengan mengedarkan borang kaji selidik serta menilai keputusan peperiksaan akhir para pelajar yang terlibat. Data seterusnya dianalisis menggunakan SPSS versi 18. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa hampir keseluruhan aspek yang diukur iaitu jangka masa kursus, bahan peralatan, kawasan persekitaran lokasi program dijalankan, pihak urusetia serta fasilitator adalah pada tahap yang memuaskan. Seramai 98.9% pelajar bersetuju bahawa program ini meningkatkan tahap kualiti pembelajaran mereka. Selain daripada itu, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dari segi pencapaian PNG selepas program dibuat. Adalah diharapkan, dapatan dalam kajian ini dapat digunakan oleh pihak pengurusan program OM221 dalam mengenalpasti kelemahan dan kekuatan program ini untuk diadakan pada masa hadapan, seterusnya memberikan impak yang lebih positif terhadap proses pembelajaran para pelajar OM221 di UiTM Pahang ini.

Kata Kunci: Program Pemantapan Akademik Pelajar (PAP), pelajar OM221, Purata Nilai Gred (PNG), Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG), Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Pengenalan

Menurut Pelan Strategik Pembangunan Pendidikan Tinggi Negara, pada tahun 2010, sebanyak 1.6 juta tempat di IPT telah disediakan untuk mencapai sasaran 40% penduduk dalam kohort umur 17 sehingga 23 tahun mendapat pendidikan tinggi (Matlamat Pendidikan Tinggi Malaysia, 2007). Ini bagi membolehkan Malaysia muncul sebagai negara yang berkeupayaan dan berdaya saing dalam zaman globalisasi. Mohd Zazali, Roselina, Maisura dan Asma Nabiha (2005) menambah, tujuan pendidikan tinggi ditubuhkan adalah untuk melahirkan para sarjanawan dan ilmuan yang mahir berfikir dan mengembangkan ilmu dalam berbagai-bagai disiplin. Sehubungan itu, IPT sewajarnya dapat melahirkan graduan yang mempunyai minda kelas pertama yang bukan sekadar cemerlang dari segi intelektual dan kepakaran mereka, tetapi perlu seiring dengan perkembangan emosi serta sahsiah mereka.

Namun begitu, terdapat pelbagai kekangan yang menghalang matlamat tersebut. Ini berikutan kualiti graduan yang dikeluarkan oleh IPT dikatakan semakin merosot berikutan pencapaian akademik yang sekadar cukup makan, yang kebiasaannya dinilai melalui HPNG yang tertera di transkrip peperiksaan akhir mereka. Dalam konteks ini, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat, UiTM Pahang juga tidak terkecuali menghadapi masalah pencapaian akademik pelajar yang kurang memberangsangkan. Pada peperiksaan akhir Oktober 2010, peratusan pelajar tahun akhir bagi program OM221 yang tamat dengan HPNG melebihi 3.00 hanyalah 33.3% sahaja. Peratusan pelajar yang mencatatkan HPNG kurang daripada 3.00 pula adalah 53.2%, meningkat 2.62% berbanding peperiksaan akhir April 2010.

Senario yang membimbangkan ini telah mendesak pihak fakulti merangka satu program pembangunan pelajar iaitu Program Pemantapan Akademik Pelajar (PAP). Selain memberi pendedahan kepada para pelajar OM221 tentang teknik belajar yang sesuai, program ini juga diharap dapat menghasilkan pelajar yang lebih berkualiti, berdaya saing seterusnya berkeupayaan menghadapi peperiksaan akhir mereka. Antara pengisian dalam program Program Pemantapan Akademik (PAP) ini ialah sesi ceramah “Strategi Cemerlang di UiTM”

dan sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Para peserta juga telah dibimbing untuk menyusun strategi pembelajaran yang sesuai diaplikasikan dalam program OM221 di kampus ini.

Kajian Literatur

Pelbagai program pembangunan pelajar telah dirancang dan dilaksanakan di keseluruhan sistem UiTM bagi meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar. Ini adalah selari dengan pendapat Lokman, Shahrum dan Aziz (2011), untuk memastikan bahawa pelajar mengaplikasikan segala ilmu dan pengetahuan sepanjang tempoh pengajian di universiti, pihak pengurusan universiti perlu merangka pelbagai kaedah bagi menilai keilmuan dan keserjanaan pelajar sebelum mereka menamatkan pengajian di universiti. Kajian oleh Che Norlia, Abdul Majeed, Zulkefli dan Salina (2008) telah membuktikan bahawa pengendalian program seperti ini boleh membantu pelajar yang lemah dalam akademik dan menjadi satu strategi yang berkesan khususnya untuk mengubah sikap dan mendorong pelajar yang kurang berjaya dalam akademik.

Selaras dengan salah satu teras dalam Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara (2007 – 2010) iaitu menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat institusi pengajian tinggi, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat, UiTM Pahang telah mengambil inisiatif untuk mengendalikan Program Pemantapan Akademik Pelajar (PAP) bagi menangani masalah PNG yang rendah di kalangan para pelajarnya. Program ini dirancang bagi membolehkan para pelajar OM221 yang berada di kelompok pelajar lemah boleh dibantu seterusnya meningkatkan keyakinan mereka agar mereka boleh terus berusaha mencatatkan kejayaan sebagaimana rakan-rakan mereka yang cemerlang.

Program PAP yang dikendalikan oleh Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat ini sebenarnya lebih berkonsepkan motivasi agar objektif program dapat dicapai dengan lebih berkesan. Menurut Woolfolk (1995), motivasi bukan hanya dorongan untuk bertindak tetapi juga mengarah dan meneruskan sesuatu tingkah laku. Kajian oleh McClelland (1961) menunjukkan bahawa pencapaian akademik yang tinggi seringkali dikaitkan dengan individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi. Sebaliknya individu yang mempunyai maklumat diri yang kabur dan tidak jelas selalunya mempunyai banyak matlamat tetapi matlamat mereka kabur dan tidak terfokus. Sidek dan Mohd Ali (1998) mengatakan, individu ini kurang bermotivasi atau tiada motivasi untuk mencapai sesuatu matlamat. Oleh kerana itulah, pelajar yang sering mengalami kegagalan kebiasannya memiliki konsep sendiri yang sukar untuk menerima hakikat bahawa mereka juga boleh berjaya.

Dalam program PAP bagi pelajar OM221 ini, dua sesi telah dirancang dengan setiap satunya mempunyai pengisian yang memberi manfaat secara langsung kepada para peserta. Sesi pertama lebih menekankan terhadap strategi pembelajaran yang berkesan dan pendekatan yang telah dilaksanakan adalah satu sesi ceramah motivasi yang dikendalikan oleh seorang penceramah undangan. Sesi ini dijalankan untuk memberi kesedaran kepada para pelajar tentang pentingnya menamatkan pengajian dengan HPNG melebihi 3.00 dan ke atas. Penceramah juga telah memberikan panduan tentang teknik belajar yang betul seterusnya menawarkan tip-tip berguna sebagai persiapan awal menghadapi peperiksaan akhir. Ini termasuklah kaedah pengambilan nota yang sesuai diaplikasikan di peringkat IPT seterusnya mengenalpasti teknik dan gaya belajar yang berkesan dengan diri para peserta. Pendekatan ini adalah penting kerana menurut Chambers dan Abrami (1991), pelajar harus menggunakan gaya pembelajaran sebagai kekuatan mereka dalam bidang akademik. Hal ini kerana gaya pembelajaran yang diamalkan pelajar mempunyai kesan terhadap hasil pembelajarannya yang seterusnya memberikan impak ke atas pencapaian akademik pelajar (Ng, 2005). Zubaidah (2007) pula berpendapat, cara yang bersesuaian dengan ciri-ciri pembelajaran akan menyebabkan pelajar di semua peringkat lebih bermotivasi dan seterusnya akan meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Sistem pembelajaran di universiti lebih membebankan dari segi aras kesukaran kerana pelajar akan mempelajari sesuatu ilmu dengan lebih mendalam dan teliti (Bloom, 1956). Sehubungan itu, pelajar perlu dilatih untuk mencari satu teknik belajar yang tepat, bersistematik dan sesuai dengan situasi pembelajaran di IPT bagi membolehkan mereka mencatatkan kejayaan yang lebih bermakna. Kajian yang dijalankan oleh Shea (1983) ke atas 320 orang pelajar universiti mendapati apabila pelajar bertemu dengan gaya pembelajaran yang sesuai dengan mereka, maka mereka akan mencatatkan pencapaian akademik yang lebih tinggi. Sebaliknya pula, pelajar yang tidak berjaya mencari gaya pembelajaran yang sesuai sudah pastilah akan mencatatkan pencapaian akademik yang lebih rendah.

Sementara itu, dalam sesi kedua pula, urusetia telah mengaturkan satu sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Dalam sesi kedua ini, para peserta telah dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil. Sesi LDK ini menyediakan platform perbincangan dan aktiviti yang sihat antara para peserta dengan enam (6) orang pelajar Anugerah Dekan yang telah dilatih sebagai fasilitator. Kesemua fasilitator yang dilantik ini mempunyai PNG melebihi 3.50. Menurut Azmahani, Jamaludin dan Baharin (2007), pelajar cemerlang dalam akademik di peringkat universiti dikategorikan sebagai mereka yang mencapai prestasi PNG melebihi 3.50.

Para fasilitator ini mengendalikan sesi LDK menggunakan modul khas yang telah disediakan oleh pihak urusetia. Sesi LDK ini dimulakan dengan taaruf ringkas, *ice breaking session*, seterusnya satu sesi di mana para peserta diminta mengenalpasti tentang pembaziran masa di kalangan pelajar, mengenalpasti tabiat buruk pelajar dan membuat ikrar diri untuk berjaya. Selain boleh berkongsi masalah akademik sesama rakan sebaya para fasilitator ini juga berperanan sebagai model serta tempat rujukan para peserta. Menurut Suhaida, Zaidatol, Noran Fauziah, Habibah dan Rohani (2004), apabila pelajar saling kenal-mengenal dan mempunyai hubungan erat dalam satu kumpulan, mereka dapat mewujudkan satu identiti kumpulan iaitu kebolehan individu dan usaha secara bersama bagi mewujudkan satu tahap kebolehan kumpulan. Sesi LDK ini dirangka agar pelajar yang mempunyai kebolehan yang lebih rendah (PNG kurang daripada 2.50) supaya lebih cenderung mengikuti kelompok pelajar yang mempunyai kebolehan yang lebih tinggi (fasilitator dengan PNG melebihi 3.50) seterusnya membantu meningkatkan konsep sendiri akademik mereka.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang bersifat deskriptif di mana ia hanya menerangkan pencapaian akademik pelajar-pelajar yang mengikuti Program Pemantapan Akademik Pelajar (PAP). Program Pemantapan Akademik Pelajar ini adalah satu program yang dijalankan oleh pihak fakulti bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar yang dikategorikan lemah dan juga program pencegahan awal bagi beberapa kursus yang dilihat selalu memberi masalah kepada pelajar. Oleh kerana ia adalah satu kajian kes, dengan itu kesemua populasi telah diambil sebagai sampel.

Unit Penganalisan

Unit penilaian bagi kajian ini adalah individu pelajar tidak kira lelaki atau perempuan.

Instrumen Pengambilan Data

Prosedur pengambilan data adalah melalui borang soal selidik. Borang soal selidik ini adalah borang mengukur keberkesanan sesuatu program latihan. Soal selidik merupakan kaedah yang paling mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden (Tuckman, 1978). Menurut Mohd Nuzi (2000) pula, kajian jenis ini dapat memberikan maklumat tentang latar belakang, pendapat, reaksi dan sikap responden. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti Kandungan Program, Bahan Kursus, Persekitaran, Urusetia, dan aspek keseluruhan program. Borang soalselidik ini kemudian diedarkan kepada pelajar melalui fasilitator yang dilantik oleh program. Untuk itu kesemua pelajar telah diberikan borang soal selidik iaitu seramai 87 orang pelajar. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelajar Bahagian 1 (baru menduduki sesuatu kursus) dan juga pelajar-pelajar yang lemah dan gagal beberapa kursus. Dari jumlah di atas 54 orang adalah pelajar Bahagian 1 dan 3 sementara 33 orang pelajar lagi adalah pelajar Bahagian 2, 3, 4, dan 5 yang dianggap lemah (PNG kurang daripada 2.50).

Instrumen kedua yang digunapakai adalah menganalisa keputusan peperiksaan pelajar yang dianggap lemah iaitu seramai 33 orang. Penganalisan data bagi kumpulan ini dibuat dengan mengambil kira pencapaian GPA semester sebelum dan pencapaian GPA semester selepas program dijalankan. Maklumat yang diambil kira dalam instrumen kedua ini adalah Jantina, Bahagian, Pencapaian GPA sebelum dan Pencapaian GPA selepas.

Penganalisan Data

Perisian SPSS versi 18.0 telah diguna untuk menganalisa data. Soalan-soalan dari borang soalselidik telah dianalisa dengan menggunakan kaedah "descriptive statistics" seperti "frequency", manakala bagi data bersifat "interval", min dan "standard deviation" telah diperolehi. Maklumat dari instrument kedua iaitu keputusan peperiksaan pelajar telah dianalisa dengan menggunakan "frequency" dan juga "t-test".

Dapatan

Berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan untuk mengukur tahap keberkesanan kepada seramai 87 orang pelajar yang dipilih mengikuti program ini didapati majoriti responden bersetuju bahawa hampir keseluruhan aspek yang diukur adalah pada tahap yang memuaskan. Nilai min 1.00 hingga 3.50 dianggap tidak setuju, manakala nilai min 3.51 hingga 5.00 adalah setuju (Boshoff & Gary, 2004).

Jadual 1 adalah pandangan responden terhadap pengisian program latihan yang disediakan oleh fakulti. Jika kita melihat nilai min yang ada, kesimpulan yang boleh dibuat adalah majoriti responden berpuashati dengan segala item yang diukur sepanjang program itu berlangsung. Dengan nilai min > 4.0 bermaksud responden bersetuju bahawa kandungan, jangka masa kursus, bahan peralatan, kawasan persekitaran lokasi program dijalankan, pihak urusetia dan fasilitator adalah memuaskan.

Min > 4.00 ini pula disokong oleh sisihan piawaian (standard deviation) yang agak rendah menunjukkan bahawa data-data lain berada berhampiran dengan min. Oleh itu kebanyakan pelajar yang tidak berada di min menunjukkan nilai yang hampir dengannya. Nilai sisihan piawaian yang rendah juga menggambarkan tahap persetujuan yang hampir dengan min itu sendiri.

Jadual 1: Pandangan Pelajar Terhadap Pengisian Program Pembangunan Akademik Pelajar

	N	Mean	S.D.
Kandungan program menepati objektif	87	4.4253	.78699
Kandungan program menepati jangkaan	87	4.3678	.83687
Jangkamasa kursus mencukupi	87	4.1494	1.08401
Bahan Kursus/Peralatan-Nota jelas mudah dibaca	87	4.3563	.79207
Bahan Kursus/Peralatan - Maklumat sangat berguna/difahami	87	4.4138	.77086
Bahan Kursus/Peralatan - AV jelas, tiada gangguan teknikal	87	4.3448	.99799
Persekitaran – Tempat yang sesuai	87	4.4828	.72916
Persekitaran - Makanan/Minuman cukup	87	4.3908	.91951
Persekitaran - Humidity sesuai	87	4.4138	.77086
Urusetia/Fasilitator - Kecekapan oleh urusetia	87	4.4713	.72879
Urusetia/Fasilitator - Persediaan fasilitator adalah rapi	87	4.9195	.30581
Urusetia/Fasilitator - Penyampaian fasilitator teratur	87	4.4483	.81781
Urusetia/Fasilitator - Bahasa fasilitator mudah difahami	87	4.5402	.77467
Urusetia/Fasilitator - Pengetahuan fasilitator baik	87	4.5172	.80496
Urusetia/Fasilitator – Fasilitator menjawab soalan dgn baik	87	4.4828	.76039
Urusetia/Fasilitator - Methodologi latihan sesuai	87	4.4483	.84576
Urusetia/Fasilitator - Fasilitator berkeupayaan tarik minat peserta	87	4.5402	.81846

Borang soal selidik juga akhirnya cuba mendapatkan pandangan responden sama ada pengetahuan yang mereka perolehi dari Program Pembangunan Akademik Pelajar yang mereka ikuti akan dapat meningkatkan tahap kualiti pembelajaran mereka atau tidak. 98.9% pelajar bersetuju bahawa program ini akan meningkatkan tahap kualiti pembelajaran mereka. Sila rujuk Jadual 2.

Jadual 2: Secara Keseluruhan Pengetahuan Dari PAP Tingkatkan Kualiti Pembelajaran

	N	%
Tidak	1	1.1
Ya	86	98.9
Total	87	100.0

Dapatan yang sama juga diperolehi iaitu 98.9% bersetuju dengan soalan “Apakah Secara Keseluruhan Program Ini Amat Baik dan Berkesan”. Oleh itu secara umumnya Program Pembangunan Akademik Pelajar telah diadakan dengan berkesan berdasarkan pandangan yang diberikan oleh semua responden.

Jadual 3: Secara Keseluruhan Program Ini Amat Baik dan Berkesan

	N	%
Tidak	1	1.1
Ya	86	98.9
Total	87	100.0

Penyataan di atas dapat disokong melalui satu soalan yang menggunakan skala yang berbeza. Bagi soalan terakhir responden diminta memberikan pandangan berdasarkan skala (1.0 Terendah hingga 7.00 Tertinggi. Berdasarkan Jadual 4 di bawah dengan nilai min pada 4.9 maka responden secara umumnya bersetuju bahawa pelaksanaan keseluruhan Program Pembangunan Akademik Pelajar adalah memuaskan.

Jadual 4: Pandangan Keseluruhan Pelaksanaan Program Pada Sekala 7.0

	N	Min	Max	Mean	S.D.
Keseluruhan - Pengetahuan selepas program	87	1.00	7.00	4.9080	1.96263

Dapatan berikut adalah bersangkutan dengan data yang diperolehi dari kumpulan pelajar yang lemah dalam pelajarannya. Terdapat 33 orang pelajar yang dikategorikan lemah (pernah gagal dalam beberapa kursus) dan mereka ini telah diwajibkan mengikuti program yang disediakan. Jadual 5 menunjukkan pecahan kumpulan pelajar mengikut jantina. Dari 33 orang, 27 orang (81.8%) adalah pelajar perempuan, manakala selebihnya iaitu 18.2% adalah pelajar lelaki. Bagi program di bawah Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat ratio pelajar perempuan adalah lebih ramai berbanding pelajar lelaki. Oleh itu gambaran yang ditunjukkan dalam Jadual 5 adalah bertepatan dengan ratio yang dimaksudkan itu.

Jadual 5: Kumpulan Pelajar Yang Lemah Dalam Pelajaran Mengikut Jantina

	N	%
Lelaki	6	18.2
Perempuan	27	81.8
Jumlah	33	100.0

Jadual 6 memperlihatkan keberkesanan Program Pembangunan Akademik Pelajar kepada pencapaian akademik iaitu melalui pencapaian PNG, ujian “Paired-Samples T-Test” telah dibuat. Ujian ini dilakukan untuk melihat apakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian sebelum dan selepas program dilakukan.

Jadual 6: Perbandingan Pencapaian PNG Pelajar. Selepas dan Sebelum Program.

	Paired Differences			t	df	p
	Mean	S.D.	S.E.			
PNG SLPS - PNG SBLM	.27394	.33118	.05765	4.752	32	.000

Dapatan menunjukkan nilai $p = 0.000 < 0.05$. Oleh itu dapatlah dinyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar selepas mengikuti program berbanding dengan pencapaian sebelumnya. Dapatan di atas tidak mengambilkira faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi pencapaian pelajar itu sendiri seperti tahap motivasi, faktor persekitaran, faktor kesedaran yang lain-lain.

Ujian seterusnya yang dibuat untuk melihat perbezaan pencapaian selepas program berdasarkan jantina adalah “independent-samples t-test”. Hasil dari ujian yang dibuat didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dari segi pencapaian PNG selepas program dibuat. Sila rujuk Jadual 7.

Jadual 7: Perbandingan Pencapaian PNG Selepas Program Mengikut Jantina

JANTINA	N	Mean	S.D.	S.E.	t	df	p
PNG SLPS Lelaki	6	2.5933	.24435	.09976	-.254	31	.801
Perempuan	27	2.6293	.32438	.06243		9	

Keputusan ini menerangkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Hasil dapatan ini adalah selari dengan Hamzah (1999) di mana dalam kajian beliau, tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran mengikut jantina. Zubaidah (2007) juga mendapati, dalam kajiannya, gaya pembelajaran pelajar lelaki dengan gaya pembelajaran pelajar perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

Rumusan dan Cadangan

Program Pemantapan Akademik Pelajar (PAP) ini telah dijalankan dengan matlamat untuk membantu para pelajar OM221, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat, UiTM Pahang, membuat persediaan bagi menghadapi ujian penilaian sepanjang semester berjalan, di samping meningkatkan keyakinan mereka sewaktu menghadapi peperiksaan akhir. Berdasarkan analisis di atas, adalah didapati program PAP ini telah berjaya meningkatkan prestasi pelajar OM221 di kampus ini. Peningkatan PNG yang lebih baik diharap dapat menyumbang kepada peningkatan peratusan pelajar yang lulus peperiksaan akhir mereka seterusnya tamat belajar dengan HPNG melebihi 3.00 sebagaimana yang disasarkan dalam objektif kualiti UiTM Pahang.

Berdasarkan kepada hasil dapatan di atas, kesimpulan yang dapat dibuat adalah:

1. Program Pembangunan Akademik Pelajar sedia ada yang dijalankan oleh Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat UiTM Pahang Kampus Jengka menunjukkan keberkesanan apabila terdapat perbezaan antara pencapaian sebelum program dan selepasnya. Namun perbezaan ini kemungkinan dipengaruhi oleh banyak faktor yang tidak diambil kira.
2. Pandangan pelajar berhubung pengendalian program latihan yang sama juga menunjukkan bahawa pelajar berpuashati dengan perjalanannya. Ini merupakan satu perkara yang baik dan dirasakan pihak fakulti perlu meneruskan usaha yang baik ini. Namun adalah dirasakan program latihan dapat diadakan lebih kerap agar kemahiran itu dapat diterap di kalangan pelajar dengan lebih sempurna.
3. Ujian "One Way ANOVA" telah dilakukan untuk melihat perbezaan pencapaian selepas program mengikut kumpulan pelajar. Walaupun keputusan yang didapati menunjukkan perbezaan yang agak signifikan namun memandangkan terdapat beberapa kumpulan yang begitu kecil jumlahnya (1 orang) maka ujian ini tidak ditunjukkan.

Cadangan yang dapat diberikan bagi tujuan penambahbaikan adalah:

1. Satu pengukuran yang sesuai perlu dibina untuk melihat tahap keberkesanan sesuatu program latihan. Jika perlu, soalan-soalan dalam pengukuran keberkesanan program latihan sedia ada perlu melalui satu ujian kesahan kandungan (Content Validity) dan kesahan konstruk (Construct Validity).
2. Dapatan kajian juga perlu mengambil kira pelajar-pelajar bahagian satu yang turut serta mengikuti program yang diadakan. Sebagai contoh markah peperiksaan PNG pelajar bahagian satu boleh dijadikan satu lagi asas pengukuran terhadap keberkesanan program.
3. Para peserta program PAP perlu mengenalpasti gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri masing-masing. Memandangkan para peserta program ini terdiri dari pelbagai kelompok iaitu kelompok pelajar lepasan STPM dan kelompok pelajar lepasan diploma, adalah menjadi satu keperluan untuk semua pelajar tersebut mengenali kekuatan dan kelemahan diri sendiri bagi memaksimumkan potensi diri masing-masing dalam menghadapi cabaran pembelajaran di peringkat IPT.
4. Pihak urusetia juga seharusnya memikirkan satu kaedah bimbingan dan motivasi yang boleh diaplikasikan sewaktu para pelajar berada di Bahagian satu lagi agar peningkatan prestasi pelajar boleh dipantau dari peringkat awal. Sekiranya permasalahan akademik pelajar boleh dikenalpasti lebih awal, tentulah para pelajar ini boleh dilatih untuk melipatgandakan usaha mereka bagi mencatatkan kejayaan yang lebih cemerlang di masa hadapan.
5. Pihak fakulti pula sewajarnya menyediakan struktur sokongan yang mantap bagi memastikan kejayaan program PAP ini. Selain memastikan para pensyarah Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat sentiasa mempelbagaikan teknik pengajaran bagi menangani masalah kelompok pelajar lemah ini, pihak fakulti juga perlu menganjurkan lebih banyak program-program latihan agar para pensyarah dapat mengenalpasti proses pembelajaran dan pengajaran yang lebih berkesan. Menurut Esah (2003), pengajaran yang berkesan dapat meningkatkan pembelajaran dalam diri pelajar.

Walau bagaimanapun, usaha yang berterusan adalah diperlukan bagi menambahbaik modul dan aktiviti yang dikendalikan dalam program ini. Selaras dengan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007 – 2010 yang menggariskan bahawa, untuk terus kekal kompetitif dalam suasana pasaran yang sentiasa berubah, penjaan keupayaan nilai tambah yang tinggi adalah diperlukan sebagai penyumbang secara langsung bagi meningkatkan kedudukan pendidikan negara dalam rantaian global.

Rujukan

- Azmahani Abdul Aziz, Jamaludin Mohamad Yatim dan Baharin Mesir. (2007). *Kajian Peningkatan Prestasi Akademik Pelajar Melalui Program Kecemerlangan*. Fakulti Kejuruteraan Awam, UTM Skudai, Johor.
- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals – Handbook I: Cognitive Domain*. New York: McKay.
- Boshoff, C. dan Gary, B. (2004). *The Relationship Between Service Quality, Customer Satisfaction and Buying Intention In the Private Hospital Industry*. South African Journal of Business management, 35 (4), 27-37.
- Che Norlia Hassan, Abdul Majeed Ahmad, Zulkefli Abdul Rahman dan Salina Noranee. (2008). *Kajian Keberkesanan Program Mentor Mentee/Program Kecemerlangan Diri Anjuran Jabatan-jabatan UiTM Perak*. UiTM Perak.
- Chambers B. dan Abrami, C.P. (1991). *The Relationship Between Student Team Learning Outcome and Achievement, Causal Attributions and Affect*. Educational Psychology, 83, 140 – 146.
- Esah Sulaiman. (2003). *Asas Pedagogi*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamzah Nun. (1999). *Gaya Pembelajaran Pelajar Di UTM*. Tesis Sarjana. UTM, Skudai, Johor.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2007). *Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007 – 2010*. Diakses pada 25 Julai, 2011, melalui http://www.mohe.gov.my/transformasi/images/1_bm.pdf
- Matlamat Pendidikan Tinggi Di Malaysia (2007). *Lima Puluh Tahun Pembangunan Pendidikan Tinggi di Malaysia*. Penerbit USM.
- Lokman Mohd Tahir, Shahrum Noordin dan Aziz Nordin. (2011). *Analisis Peramal Kepuasan Pelajar Terhadap Proses Pelaksanaan Projek Sarjana Muda*. Jurnal Teknologi 55 (Sains Sosial), Mei 2011, 1- 14.
- McClelland, D. C. (1961). *The Achieving Society*. Princeton: Van Nostrand.
- Mohd. Zazali Mohamad Zin @ Jin, Rozelina Abdul Rahman, Maisura M. Yusof, Asma Nabiha Abd. Rahman. (2005). *IPTS: Aksesibiliti Kepada Peranan IPTA*. Seminar Pendidikan, Fakulti Pendidikan UTM.
- Mohd Nuzi Mohd Nor. (2000). *Amalan Keselamatan Bengkel Di Kalangan Pelajar Kursus Amalan Bengkel Mesin di Sek. Men. Teknik Kemaman, Terengganu: Satu Tinjauan*. UTM, Skudai Johor.
- Ng, S. C. (2005). *Relationship Between Learning Styles and Understanding of Selected Chemical Concepts Among Pre-University Science Students*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shea, P. (1983). *Student Learning Style: A Segmentation Strategy For Higher Education*. Journal of Education For Business, 71(4), 232-235.

- Sidek Mohd Noah dan Mohd Ali Jaamat. (1998). *Keberkesanan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu Terhadap Peningkatan Motivasi Pencapaian Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Sembilan*. Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM Serdang.
- Suhaida Abdul Kadir, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Noran Fauziah Yaakub, Hamibah Elias dan Rohani Ahmad Tarmizi. (2004). *Kesan Pembelajaran Koperatif Terhadap Konsep Kendiri Akademik di Dalam Pendidikan Perakaunan*. Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM, Serdang.
- Tuckmen, Bruce W. (1978). *Conducting Educational Research*. 2nd edition. New York: Harcourt Brace.
- Woolfolk, Anita. (1995). *Educational Psychology*. 6th ed, Boston.
- Zubaidah Begam Mohamed Zakaria. (2007). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik: Tinjauan di Kalangan Pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama*. UTM Skudai, Johor.
-
- HJ. ABD. RAZAK SAID, & NALIZA SOLAT, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Pahang. abdul_razak@pahang.uitm.edu.my, nalizas@pahang.uitm.edu.my.